

BUKU PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI 1 2023/2024



Pendaftaran Pelajar

Tarikh : 21 Ogos 2023 (Isnin)

Tempat : Kafeteria MAS, PBS

Masa : 9.00 pagi - 1.00 tengahari

1.0 PENGENALAN KEPADA POLITEKNIK BANTING SELANGOR

Politeknik Banting Selangor (PBS) ditubuhkan pada tahun 2008 dan beroperasi di kampus tetap di Banting sejak 2012. Program pengajian yang ditawarkan di PBS adalah Diploma Kejuruteraan Penyenggaraan Pesawat (DAM), Diploma Kejuruteraan Mekanikal (DKM) dan Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) (DTP). PBS merupakan satu-satunya politeknik yang menawarkan program pengajian Diploma Kejuruteraan Penyenggaraan Pesawat.

PBS juga telah memperolehi persijilan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2015 oleh SIRIM QAS Int. Sdn. Bhd. mulai 23 Mac 2017 dengan nombor persijilan QMS 03108. Pengiktirafan ini membuktikan kemantapan dan kecekapan Sistem Pengurusan Kualiti PBS agar proses Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) dilaksanakan dengan lebih baik.

Untuk memastikan PBS sentiasa berada di hadapan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan di dalam bidang Penyenggaraan Pesawat, PBS telah mendapat pengiktirafan sebagai *Maintenance Training Organization* pada 20 April 2018 oleh *Civil Aviation Authority Malaysia (CAAM)*. Di samping itu juga, ketiga-tiga program yang ditawarkan di PBS telah mendapat pengiktirafan daripada pihak Engineering Technology Accreditation Council (ETAC) bagi tempoh 6 tahun. Ini juga didokong oleh tenaga pengajar yang kompeten dan berpengalaman luas dalam industri. PBS juga telah membuat jaringan kolaborasi yang aktif dengan industri seperti Malaysia Airlines Berhad (MAB), Air Asia Berhad dan Crescent Gear Solution Sdn. Bhd.

Selain itu, PBS komited memastikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan warga PBS sentiasa menjadi keutamaan. PBS juga telah menerima pengiktirafan ISO 45001:2018 dalam bidang pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Untuk maklumat, sila layari laman sesawang <https://pbs.mypolycc.edu.my>

2.0 PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI 1 2023/2024

Garis panduan peraturan keselamatan ini bertujuan untuk penyelarasan pendaftaran pelajar baharu bagi SESI 1 2023/2024. Oleh itu pelajar yang hadir ke kampus hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut:

1. Pelajar diminta hadir ke kampus pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan bagi melancarkan proses pendaftaran Kolej Kediaman.
2. Pelajar perlu memastikan kesihatan dalam keadaan baik sebelum bergerak ke PBS.
3. Bagi mencegah penularan wabak virus COVID-19 semua pelajar dinasihatkan membawa sendiri pelitup muka dan pensanitasi tangan (*hand sanitizer*) sepanjang berada di Politeknik Banting Selangor.
4. Pelajar diminta memaklumkan dengan kadar segera kepada PA/Felo/JHEP sekiranya tidak sihat selepas melapordiri di PBS.
5. Pelajar yang membawa kenderaan diminta mendaftarkan kenderaan dengan pihak JHEP PBS.
6. Semua pelajar diminta membawa sendiri bantal dan cadar semasa hari pendaftaran.
7. Semua pelajar boleh membawa alatan lukisan sendiri bagi kursus Lukisan Kejuruteraan (alatan juga boleh dibeli di Kedai Koperasi Politeknik Banting)
8. Semua pelajar diminta membawa sendiri keperluan ubat-ubatan.
9. Pelajar diminta memakai pakaian yang ditetapkan semasa hari pendaftaran seperti jadual 1.0:

Jadual 1.0 : Pakaian Semasa Hari Pendaftaran/Program MTS

Pelajar Lelaki	
Baju & Tali Leher	1. Kemeja lengan panjang berwarna Putih dan Bertali leher warna Hitam
Seluar / Tali Pinggang	1. Seluar panjang jenis ' <i>slack</i> ' warna Hitam 2. Tali pinggang berwarna hitam – corak atau kepala tali 3. pinggang yang berbentuk keterlaluan adalah tidak dibenarkan.
Rambut	1. Pendek, kemas dan tidak diwarnakan 2. Fesyen rambut yang keterlaluan tidak dibenarkan


Pelajar Perempuan	
Baju	<ol style="list-style-type: none"> 1. Berbaju kurung berwarna PUTIH 2. Berpakaian sopan dan tidak menjolok mata (ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan yang sensitif adalah TIDAK DIBENARKAN) 3. Bertudung warna HITAM (yang beragama Islam)
Kain / Skirt	<ol style="list-style-type: none"> 1. 1. Warna HITAM 2. 2. Labuh ke paras buku lali
Rambut	<ol style="list-style-type: none"> 1. 1. Menutup aurat (bertudung) bagi yang beragama Islam 2. 2. Rambut diikat kemas dan tidak diwarnakan 3. 3. Fesyen rambut yang keterlaluan tidak dibenarkan
Tidak digalakkan memakai barang kemas.	



Rajah 1.0 : Pakaian Semasa Hari Pendaftaran/Program MTS

3.0

PROSES SEBELUM PENDAFTARAN



Rajah 2.0 : Carta Alir Proses Sebelum Pendaftaran

3.1 PENYEDIAAN DOKUMEN

3.1.1 Penghantaran Borang Jawapan Tawaran

Semua calon dikehendaki mencetak dan menyediakan dokumen berikut :

- a) Borang Jawapan Tawaran (BJT-JPP)
- b) Salinan surat tawaran yang telah disahkan
- c) Salinan kad pengenalan yang telah disahkan
- d) Salinan keputusan SPM yang telah disahkan
- e) Salinan sijil berhenti sekolah yang telah disahkan

Sila pos semua dokumen di atas ke alamat berikut:

Pengarah,
Politeknik Banting Selangor,
Persiaran Ilmu,
Jalan Sultan Abdul Samad,
42700 Banting, Selangor.
(U/P: Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar)

Pegawai yang layak untuk mengesahkan salinan sijil serta dokumen:

- a. Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional/ Kumpulan A
- b. Doktor yang bertugas di Pusat kesihatan Kerajaan sahaja
- c. Pengetua Sekolah Menengah
- d. Pegawai Polis berpangkat ASP dan ke atas
- e. Pegawai Tentera berpangkat Kapten dan ke atas
- f. Penguasa Penjara, Penguasa Bomba, Penguasa Kastam
- g. Pengurus Felda atau Pengurus Felcra
- h. Wakil Rakyat
- i. Pengamal Undang-undang
- j. Pesuruhjaya Sumpah
- k. Jaksa Pendamai
- l. Penghulu/Penggawa/Ketua Kampung/Pemanca/Ketua Kaum (Sabah & Sarawak)

(Sila pastikan cop pengesahan mesti mempunyai nama dan jawatan serta majikan)

3.1.2 Penyediaan Dokumen Pendaftaran

Semua calon pelajar dikehendaki melaksanakan perkara berikut:

- a) Cetak dan lengkapkan **SEMUA** borang HEP1 – HEP6 . Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dibawa ke PBS semasa hari pendaftaran.
- b) Membuka Akaun Bank Islam (BIMB) atas nama pelajar dan membuat satu salinan penyata akaun bank tersebut. Butiran akaun akan dikemaskini dalam sistem politeknik semasa Minggu Transformasi Siswa (MTS).
- c) Pengarah PBS juga berhak menarik balik tawaran belajar sekiranya terdapat **percanggahan maklumat di antara dokumen asal** dengan maklumat yang telah anda berikan semasa memohon ke Politeknik tentang perkara berikut:
 - i. Status kewarganegaraan
 - ii. Keputusan Peperiksaan SPM atau Keputusan Peperiksaan Semester Akhir
 - iii. Maklumat tentang penglibatan saudara/saudari di dalam aktiviti seperti penagih, pengedar atau terlibat dengan sebarang penyalahgunaan dadah maka anda tidak layak untuk mendaftar di politeknik.
- d) Untuk pelajar yang mendapat tawaran program **Diploma Kejuruteraan Penyenggaraan Pesawat**, dikehendaki memaklumkan kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar Politeknik Banting Selangor dengan **SEGERA** sekiranya didapati **Rabun Warna** setelah membuat Pemeriksaan Doktor kerana syarat **UTAMA** bagi program ini adalah calon tidak rabun warna.
- e) Menyediakan gambar **berukuran pasport berformat jpeg** berlatar belakang biru untuk dimuatnaik semasa pendaftaran secara dalam talian. Pastikan pelajar lelaki dalam keadaan kemas memakai tali leher dan bagi pelajar perempuan bertudung diminta untuk memakai tudung berwarna gelap.



3.2 PEMBAYARAN

Semua pelajar hendaklah mematuhi arahan pembayaran yuran pengajian seperti Jadual 1: Senarai Bayaran Pelajar Baharu SESI 1 2023/2024 dan para 3.3: Kaedah Pembayaran Yuran. Pihak Politeknik KPT tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran semua yuran.

- a. Bayaran Yuran Pengajian **PERLU DIJELASKAN** selepas **proses pengesahan penerimaan Borang Jawapan Tawaran dan ianya boleh di semak di web ambilan.mypolycc.edu.my** dan sebelum hari pendaftaran iaitu pada **17 Ogos 2023 melalui kaedah JomPAY**.
- b. Semua pembayaran yang dibuat **TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN** sekiranya anda menarik diri atau berhenti dari Politeknik Banting Selangor.
- c. Calon yang memohon penajaan dari mana-mana agensi kerajaan atau swasta juga di kehendaki membuat bayaran seperti pelajar lain sebelum dan semasa pendaftaran. Sebarang tuntutan selepas selesai proses permohonan penajaan, pelajar perlu mengemukakan salinan asal kelulusan penajaan ke Jabatan Hal Ehwat Pelajar PBS bagi proses pemulangan wang bayaran yuran.
- d. Bayaran yuran pengajian melalui **cek peribadi atau Money Order, Postal Order dan tunai adalah tidak diterima**.

Jadual 2.0 : Senarai Bayaran Pelajar Baharu SESI 1 2023/2024

Bil	Jenis Bayaran	Jumlah (Rm)	Kaedah Bayaran	Tempoh
1	Yuran Pengajian	200.00	Bayar melalui Perbankan JomPAY dari mana-mana bank tempatan secara atas talian.	Selepas pengesahan BJT sehingga 17 Ogos 2023
2	Yuran Kolej Kediaman	630.00	Penting: Biller Kod Politeknik Banting (629485) Sila laksanakan bayaran secara berasingan	
3.	Bayaran Keperluan Pelajar	Seperti di Jadual 3.0	Nama bank : BIMB Nama Akaun : Kedai Koperasi Politeknik Banting Selangor No Akaun: 12074010054891	Selepas pengesahan BJT sehingga 17 Ogos 2023
4.	Segala perbelanjaan pemeriksaan doktor ditanggung oleh pihak pelajar.			

MAKLUMAT PENTING


1. Patuhi arahan ketika membuat pembayaran Yuran Pengajian melalui JomPAY dari mana-mana akaun bank tempatan secara atas talian. Sila rujuk muka surat (8-10).
2. Politeknik tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran yuran.
3. Pelajar dikehendaki menjelaskan semua bayaran terlebih dahulu sebelum melapor diri secara atas talian di Politeknik.
4. Pendaftaran atas talian hanya boleh dilakukan **SEHARI (1) SELEPAS** pembayaran yuran dilaksanakan.
5. Setiap resit bayaran yuran hendaklah dibuat **SALINAN** untuk dikemukakan kepada Jabatan Hal Ehwat Pelajar sekiranya diperlukan.

3.3 KAEDAH PEMBAYARAN YURAN


Bayaran boleh dibuat melalui saluran berikut:

A. JomPAY


1. Log masuk ke perbankan pilihan dalam talian atau mobile banking



2. Pilih JomPAY pada menu *Pay Bills*



3. Buat pilihan akaun pengguna dan isi maklumat berikut:
 - i. Biller Kod Politeknik Banting = **629485**
 - ii. *Reference 1*: Nombor kad pengenalan **PELAJAR** tanpa (-)
Contoh: 031229105384
 - iii. *Reference 2*: Nombor telefon **PELAJAR**.
Contoh: 0197524352
 - iv. Jumlah: Sila semak **Jadual 1**: Senarai Bayaran Pelajar Baharu SESI 1 2023/2024



The screenshot shows the JomPAY payment interface. At the top, there is a 'From' dropdown menu with 'Select an Account' and a small arrow icon. Below it, the text 'Please key in the necessary:' is followed by four input fields: 'Biller Code', 'Ref-1', 'Ref-2', and 'Amount (RM)'. The 'Ref-2' field has the text 'Enter if available' to its right. At the bottom, there are two buttons: 'Cancel' (red) and 'Submit' (orange). Blue arrows point from the labels on the right to the corresponding input fields.


Biller code = 629485

Reference 1 : Nombor kad pengenalan pelajar

Reference 2 : Nombor telefon pelajar

Amount : Jumlah bayaran

4. Menyemak semula maklumat sebelum mengesahkan (**CONFIRM**) pembayaran.



The screenshot shows the JomPAY payment interface after the payment has been confirmed. The 'From' field now displays '745839932 - Savings Account'. The 'Biller Code' field contains '629485', the 'Ref-1' field contains '83748222', and the 'Amount (RM)' field contains '200.00'. At the bottom, there are two buttons: 'Back' (red) and 'Confirm' (green). Blue arrows point from the labels on the right to the corresponding fields.


Biller code = 629485

Reference 1 : Nombor kad pengenalan pelajar

Amount : Jumlah bayaran

confirm

5. **Unique JomPAY Reference Number** akan dipaparkan setelah transaksi bayaran berjaya dilakukan.



← Biller code = **629485**
 ← Reference 1 : Nombor kad pengenalan pelajar
 ← Amount : Jumlah bayaran
 ← JomPAY Reference No.: Nombor rujukan bayaran JomPAY

6. Pelajar diwajibkan mencetak maklumat bayaran ini bagi tujuan simpanan dan rekod pendaftaran pelajar.
7. Sila laksanakan pembayaran Yuran Pengajian dan Yuran kolej Kediaman secara berasingan.

SENARAI BARANGAN KEPERLUAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN(PdP)

Semua pelajar baharu perlu mendapatkan barangan PdP di Koperasi PBS seperti Jadual 3.0

Jadual 3.0 :Barangan keperluan PdP

BIL	PERKARA	UNIT	KUANTITI	HARGA/UNIT	JUMLAH
1	Insurans Pelajar	1	1	35.00	35.00
2	Baju Bengkel Berlogo PBS	Helai	1	60.00	60.00
3	Baju Berlogo Politeknik (T-Shirt Lengan Panjang Berkolar)	Helai	1	29.00	29.00
4	Baju T-Shirt Sukarelawan POLYCC	Helai	1	22.00	22.00
5	Card, Card Holder & Lanyard	pcs	1	19.00	19.00
6	Seluar Track	Helai	1	40.00	40.00
7	Baju Korporat	Pasang	1	56.00	56.00
8	Kasut Bengkel (<i>pilihan</i>)	Pasang	1	49.00	49.00
Jumlah					310.00

Bayaran Barangan Keperluan, pelajar digalakkan untuk membuat bayaran secara dalam talian ke akaun seperti di bawah:

Nama Bank : BIMB
Nama Akaun : Kedai Koperasi Politeknik Banting Selangor
No Akaun : 12074010054891

3.4 PENDAFTARAN SECARA ATAS TALIAN

- a) Pelajar baharu dikehendaki membuat pendaftaran secara atas talian selepas **SEHARI** (1) membayar yuran pengajian. Tarikh akhir proses pendaftaran secara atas talian adalah bermula 1 Ogos 2023 sehingga 18 Ogos 2023 melalui laman web <https://pbs.mypolycc.edu.my/v1/index.php/pendaftaran>.
- * Pelajar dinasihat agar hanya membuat pendaftaran melalui web rasmi PBS sahaja dan tidak perlu membuka sistem SPMP.
- b) Pelajar boleh merujuk m/s 11-13 bagi melancarkan proses pendaftaran secara atas talian.

Langkah 1: Layari paparan laman sesawang <https://pbs.mypolycc.edu.my/v1/index.php/pendaftaran> dan lihat di ruangan PERHATIAN.

Langkah 2: Klik Pendaftaran pelajar Baharu dan pilih **Pendaftaran Online Pelajar Baharu**.

The screenshot displays the official website of Politeknik Banting Selangor. At the top, there are logos for the Ministry of Education (KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI), Politeknik Malaysia Banting, and the institution itself (POLITEKNIK BANTING SELANGOR). A navigation menu includes links for UTAMA, KORPORAT, ORGANISASI, INFO PBS, MUAT TURUN, HUBUNGI KAMI, and PORTAL EBOOK. The main content area is titled 'PENDAFTARAN PELAJAR SESI 1 2023/2024' and shows a search bar with 'Hits: 259'. Below this, there are two main sections: 'PENDAFTARAN PELAJAR SENIOR' and 'PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU'. Under 'PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU', there are four download links: 'Surat Pendaftaran Pelajar Baharu', 'Garis Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu', 'Pendaftaran Online Pelajar Baharu' (which is circled in red), and a Telegram link for 'Telegram Pelajar Baru Sesi 1 2023/2024'.

Langkah 3: Sila pilih Teruskan Untuk Pendaftaran.

Selamat Datang ke Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SIMS)

Sesi Semasa : 1 : 2021/2022 || 1 : 2021/2022

Panduan Pendaftaran Pelajar Baru Online Politeknik Banting Selangor

Langkah	Perkara yang perlu dilakukan	
1	Cetak Dokumen Pendaftaran Sila cetak maklumat am pendaftaran dan borang pendaftaran Politeknik Banting Selangor	Maklumat Am
2	Cetak Maklumat Bayaran Sila cetak jadual bayaran untuk tujuan rujukan semasa anda membuat bayaran di Bank.	Maklumat Bayaran
3	Semak status bayaran Data bayaran pendaftaran yang dibuat hanya akan diterima pihak Politeknik Banting Selangor sehari selepas bayaran dibuat	Semak Status Bayaran
4	Pendaftaran Online (dalam talian) Sila Klik Pendaftaran Online PBS setelah status bayaran yuran diterima oleh pihak Politeknik Banting Selangor	Teruskan Untuk Pendaftaran

Sebarang masalah atau pertanyaan bolehlah berhubung terus di Jabatan Hal Ehwal Pelajar Politeknik Banting Selangor
Tel : 03-31201625 Fax : 03-31201706
http://www.polibanting.edu.my

© Copyright Team Programmer PKB

Langkah 4: Muatnaik Gambar.

Selesai Pra Pendaftaran *online*, sila muatnaik gambar berukuran pasport berlatarbelakang biru di ruangan berkenaan. Pelajar lelaki dikehendaki memakai kemeja putih dan bertali leher gelap. Bagi pelajar perempuan hendaklah berambut kemas atau memakai tudung berwarna gelap. Pastikan kualiti gambar yang dimuatnaik (*Upload*) **JELAS dan TERANG**.



Selamat Datang ke Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SIMS)

Sesi Semasa : 1 : 2021/2022 || 1 : 2021/2022

Maklumat Pendaftaran Online

Maklumat Pendaftaran

Nama : [Redacted]
 No KP : [Redacted]
 No Pendaftaran : [Redacted]
 Program : Diploma Kejuruteraan Mekanikal
 Jabatan : JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL
 Kelas : DKM1C
 Tarikh Lapordiri : 02/03/2021
 Masa Lapordiri : 9.00 pagi
 Sesi Mula : DISEMBER 2020
 Sesi Tamat : 2023/2024

Sila Upload Gambar

Upload Gambar Kad Pelajar Cetak Slip

Sebarang masalah atau pertanyaan bolehlah berhubung terus di Jabatan Hal Ehwal Pelajar Politeknik Banting Selangor
Tel : 03-31201625 Fax : 03-31201706
http://www.polibanting.edu.my

© Copyright Team Programmer PKB

Upload Gambar Kad Pelajar

Nama
No Kp
No Pendaftaran
Program : Diploma Kejuruteraan Mekanikal
Jabatan : JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL
Kelas : DKMIC

1 **Pilih File :** elis.jpg
 ** Penting : Saiz file yang diupload hendaklah tidak melebihi 15 mb.

2

Langkah 5: Cetak Slip Pendaftaran Online

Pelajar diminta untuk **MENCETAK** pengesahan pendaftaran untuk simpanan dan rujukan kerana di dalam dokumen tersebut mengandungi maklumat **No. Pendaftaran/ No. Matrik** dan **kelas pelajar** masing-masing.

Selamat Datang ke Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SIMS)

Sesi Semasa : I : 2021/2022 | 1 : 2021/2022

Maklumat Pendaftaran Online

Maklumat Pendaftaran
 Nama : MOHAMMAD NAZIM BIN MOHAMMED SUKARNO
 No Kp : [REDACTED]
 No Pendaftaran : [REDACTED]
 Program : Diploma Kejuruteraan Mekanikal
 Jabatan : JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL
 Kelas : DKMIC
 Tarikh Lapordri : 02/03/2021
 Masa Lapordri : 9:00 pagi
 Sesi Mula : DESEMBER 2020
 Sesi Tamat : II : 2023/2024

Politeknik Banting Selangor
 Pesiaran Bim, Jalan Sultan Abdul Samad
 Banting
 42700 Banting
 Selangor
 Telefon : 03-31201625
 Faks : 03-31201706
 Web : http://www.polibanting.edu.my

Slip Pengesahan Pendaftaran Dalam Talian (Online)

Maklumat Pendaftaran
 Nama : MOHAMMAD NAZIM BIN MOHAMMED SUKARNO
 No Kp : [REDACTED]
 No Pendaftaran : 24DKM21P1903
 Program : Diploma Kejuruteraan Mekanikal
 Kelas : DKMIC
 Jabatan : JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL
 Tarikh Lapordri : 02/03/2021
 Masa lapordri : 9:00 pagi
 Sesi Mula : DESEMBER 2020
 Sesi Tamat : II : 2023/2024

Arahan Semasa Pelajar Diuji

- i Semasa Semak Borang Pendaftaran (BHEP0)
- ii Borang Maklumat Peribadi Pelajar (BHEP1)
- iii Borang Isiar Pelajar dan Lesen Tanggung (BHEP2)
- iv Borang Aduan Pelajar dan Aduan Ibu/Bapa/Pensjaja (BHEP3)
- v Borang Keterangan Rupa/Ru/Perjaja Untuk Rawatan Bias (Anesthesia) & Pembedahan (BHEP4)
- vi Borang Laporan Pemeriksaan Difteri (BHEP5) Laporan X-Ray mesti disertakan jika pemeriksaan dibuat di klinik swasta. Filem X-Ray tidak perlu disertakan
- vii Borang Adu Jangkitan Pelajar (BHEP6)

Potong Di Sini

Untuk Kegunaan Koperasi Politeknik Banting Selangor Sahaja
Samarat Sama Koperasi Politeknik Banting Selangor

Nama : MOHAMMAD NAZIM BIN MOHAMMED SUKARNO
 No Kp : 03110101253
 No Pendaftaran : 24DKM21P1903
 Program : Diploma Kejuruteraan Mekanikal
 Kelas : [REDACTED]

Sila FO [REDACTED] bersama keratan ini di kaunter koperasi
 Politeknik Banting Selangor

Peralatan dari Koperasi Politeknik Banting Selangor yang telah di ambil oleh pelajar

3.5 KEMUDAHAN TEMPAT TINGGAL (JIKA KEMBALI KE KAMPUS)

PBS mempunyai kemudahan asrama yang baik dan cantik untuk menempatkan pelajar di sepanjang pengajiannya selama tiga (3) tahun.

- a) PBS menawarkan kemudahan Kolej Kediaman kepada semua pelajar dan pelajar semester satu (1) **DIWAJIBKAN** menginap di Kolej Kediaman.
- b) Semua pelajar semester satu (1) **TIDAK** dibenarkan membawa kenderaan.
- c) Pelajar perlu mendapatkan kebenaran daripada Pihak Pengurusan Kolej Kediaman untuk sebarang urusan pulang atau keluar dari Kolej Kediaman.

3.6 BANTUAN KEWANGAN

Untuk makluman semua pelajar, PBS tidak menawarkan sumber kewangan untuk proses PdP pelajar sepanjang pengajian tetapi di sini disertakan senarai pembiaya pinjaman / biasiswa untuk memudahkan permohonan pelajar.

- a) Pelajar boleh memohon pinjaman / biasiswa / derma siswa / zakat dari mana-mana institusi yang berkenaan dan perlu membuat **PERMOHONAN SENDIRI** ke institusi tersebut melalui kaedah yang telah ditetapkan oleh institusi bantuan kewangan tersebut.
- b) Pelajar juga boleh memohon **Pinjaman Pendahuluan** daripada **PTPTN** secara dalam talian setelah menerima tawaran untuk memasuki Politeknik bagi tujuan keperluan kewangan semasa hari pendaftaran.

Jadual 4.0: Senarai Pembiaya Biasiswa

BIL	Nama Pembiaya Pinjaman / Biasiswa	Laman Sesawang
1	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	http://www.ptptn.gov.my/
2	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	http://www.jpa.gov.my/
3	Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah	http://www.biasiswa.sabah.gov.my/
4	Jabatan Kemajuan Orang Asli	http://www.jakoa.gov.my/
5	Biasiswa Sukan KPM	https://biasiswa.moe.gov.my/sukan
6	Bantuan Kewangan Pelajar OKU	https://biasiswa.mohe.gov.my/bk_oku/
7	Yayasan Telekom Malaysia	https://www.tm.com.my/YayasanTM
8	Yayasan Pelajaran Johor	http://portal.ypj.gov.my/
9	Tabung Amanah Pendidikan	https://tapem.melaka.gov.my/1/

	Negeri Melaka (TAPEM)	
10	Yayasan Sawarak	http://yayasansarawak.org.my/
11	Yayasan Pahang	http://www.yip.org.my/
12	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa (TKWBNS)	http://tkwbns.selangor.gov.my/
13	Yayasan Selangor	http://www.yayasanselangor.org.my/
14	Yayasan Terengganu	https://www.yt.gov.my/
15	KUOK Foundation	http://www.kuokfoundation.com/
16	Zakat Selangor	https://www.zakatselangor.com.my/

3.7 BUKU AKAUN PELAJAR

- a) Semua pelajar diminta untuk membuka akaun simpanan dari mana-mana bank
- b) Sila masukkan segala butiran akaun simpanan ke dalam Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (akan dilaksanakan bersama pegawai HEP semasa taklimat pada Minggu Transformasi Siswa)

4.0 ETIKA PEMAKAIAN DAN RUPA DIRI

Sebagai institusi pengajian tinggi, Politeknik Banting, Selangor (PBS) bukan sahaja ingin melahirkan graduan yang mempunyai kecemerlangan akademik semata-mata, tetapi juga berhasrat untuk membentuk graduan yang mempunyai sahsiah dan keunggulan peribadi yang baik. Sehubungan dengan itu, semua pelajar Politeknik Banting dikehendaki untuk mematuhi semua peraturan yang telah ditetapkan dalam membentuk disiplin pelajar.

Kesemua pelajar PBS adalah tertakluk di bawah Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 (Akta 174) dan peraturan-peraturan lain yang dikeluarkan oleh pihak Politeknik Banting dari masa ke semasa. Pelajar yang melanggar peraturan yang ditetapkan akan diambil tindakan selaras dengan Jadual V, Kaedah 48, Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 (Akta 174).

Pelajar adalah pelanggan PBS. Pihak PBS berhasrat memberikan perkhidmatan terbaik kepada anda jika anda mematuhi etika penampilan pelajar. Anda tidak akan dilayan dan dinafikan perkhidmatan jika tidak mematuhi etika penampilan pelajar di semua Kaunter Perkhidmatan, Pejabat, Dewan Besar, Dewan Kuliah, Bilik Tutorial, Perpustakaan, bengkel dan Makmal.

Anda hanya akan dilayan jika:	Anda tidak akan dilayan jika:
<ol style="list-style-type: none"> 1. Mempamerkan kad pelajar 2. Berambut kemas dan rapi antaranya : <ol style="list-style-type: none"> a. Berambut pendek bagi lelaki b. Berambut rapi bagi perempuan 3. Berpakaian kemas dan sopan antaranya : <ol style="list-style-type: none"> a. Berbaju kemeja b. Berbaju t-berkolar c. Berbaju kurung d. Berseluar panjang e. Berskirt panjang di bawah paras lutut f. Berkasut 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tidak mempamerkan kad matrik. 2. Berambut tidak kemas dan tidak rapi antaranya : <ol style="list-style-type: none"> a. Berambut panjang bagi lelaki b. Berambut mengerbang bagi perempuan c. Mewarnakan rambut 3. Berpakaian kurang sopan antaranya : <ol style="list-style-type: none"> a. Mendedahkan tubuh badan b. Berseluar pendek c. Berseluar / skirt ketat d. Berselipar / berkasut sandal e. Memakai perhiasan bagi lelaki

4.1 KAD PELAJAR

KAD PELAJAR
<ol style="list-style-type: none"> 1. Pelajar yang tidak memiliki/memakai kad pelajar pada setiap masa dalam kampus boleh dikenakan tindakan denda terus RM 50 mengikut kaedah Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976. 2. Kad Pelajar mestilah sentiasa dipakai semasa berada di dalam kampus. 3. Kad Pelajar mestilah dipakai pada baju/jaket/blazer pada paras dada supaya sentiasa boleh dilihat dengan jelas. 4. Kad Pelajar mestilah dipakai dengan mempamerkan bahagian gambarnya di hadapan. 5. Kad Pelajar TIDAK boleh diconteng, ditukar butiran/gambar atau diubahsuai. 6. Pelajar TIDAK dibenarkan memakai Kad Pelajar pelajar lain. 7. Pelajar yang Kad Pelajarnya hilang/rosak/tamat tempoh perlu memohon yang baru kepada Pegawai Hal Ehwal Pelajar dengan bayaran kos gantian yang ditetapkan oleh politeknik.



Rajah 3.0 : Pemakaian Kad Pelajar Yang Betul

4.2 RUPADIRI DAN PAKAIAN DI KAMPUS DAN KOLEJ KEDIAMAN

Semua pelajar PBS tertakluk kepada Peraturan Rupa Diri Pelajar yang berkuatkuasa. Secara umumnya, pelajar **DIWAJIBKAN** untuk sentiasa berpakaian kemas, bersih dan bersopan. Rupa diri dan pakaian yang menjolok mata adalah ditegah sama sekali.

PAKAIAN KE KELAS/BENGGEL/MAKMAL/URUSAN RASMI
Pelajar Lelaki
<ol style="list-style-type: none"> 1. Memakai kemeja berlengan panjang atau pendek yang sesuai. 2. Baju 'T' berkolar dan berlengan yang tidak mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucah atau melambangkan mana-mana parti politik. 3. Baju hendaklah sentiasa dimasukkan ke dalam seluar (tuck-in). 4. Baju kemeja / baju 'T' wajib dipakai ketika memakai blazer / baju bengkel. 5. Baju 'T' tidak berkolar TIDAK dibenarkan. 6. Baju hendaklah sentiasa dikenakan butang dengan sempurna. 7. Pemakaian baju kebangsaan dibenarkan tetapi hendaklah lengkap bersampin, berkasut dan bersongkok hitam. 8. Memakai seluar yang ketat, singkat dan pinggang dibawah paras pusat TIDAK dibenarkan. 9. Berseluar Slack/ Khakis potongan slack. 10. Memakai seluar yang berpotongan atau dari jenis 'jeans', 'denim' atau 'corduroy' TIDAK dibenarkan. 11. Seluar dari jenis 'kargo' atau poket banyak TIDAK dibenarkan. 12. Memakai tali pinggang atau fesyen kepala tali pinggang yang tidak sesuai TIDAK dibenarkan.

13. Memakai kasut yang berwarna kulit atau hitam dan berstokin.
14. Memakai kasut yang mempunyai ladam logam yang berbunyi bising TIDAK dibenarkan.
15. Memakai perhiasan seperti rantai, gelang lengan dan subang TIDAK dibenarkan.
16. Memakai topi/ 'kopiah' (penutup kepala) TIDAK dibenarkan.
17. Memakai pakaian yang menyerupai 'perempuan ' TIDAK dibenarkan.

PAKAIAN KE KELAS/BENGGKEL/MAKMAL/URUSAN RASMI

Pelajar Perempuan

1. Semua pelajar wanita Islam hendaklah menutup aurat mengikut syarak.
2. Memakai pakaian rasmi politeknik seperti 'blazer ', 'overcoat ' atau jaket.
3. Pakaian hendaklah labuh dibawah paras punggung dan TIDAK menjolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, pendek, nipis, berbelah dan mendedahkan mana-mana bahagian badan.
4. Pakaian menutup muka seperti 'purdah' TIDAK dibenarkan.
5. Pelajar bukan muslim dibenarkan memakai 'skirt ' di bawah paras lutut.
6. Baju 'T' berkolar dan berlengan yang TIDAK mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucah atau melambangkan mana-mana parti politik.
7. Memakai seluar yang ketat, singkat dan pinggang dibawah paras pusat TIDAK dibenarkan.
8. Memakai seluar slack yang bcrpotongan atau dari jenis 'jeans ', 'denim ' atau 'corduroy ' TIDAK dibenarkan.
9. Seluar dari jenis "kargo' atau poket banyak TIDAK dibenarkan.
10. Semua pelajar diwajibkan memakai kasut bertutup penuh (bahagian jari hingga pergelangan kaki) termasuk ketika menghadiri majlis rasmi.
11. Memakai kasut bertumit tinggi yang melebihi 1 1/2 inci, runcing atau berladam logam yang berbunyi bising TIDAK di benarkan.
12. Memakai perhiasan seperti barang kemas yang berlebihan atau tidak sesuai (bertindik) TIDAK dibenarkan.
13. Memakai solekan muka berlebihan TIDAK dibenarkan.
14. Memakai pakaian yang menyerupai ' lelaki' TIDAK dibenarkan.



Rajah 4.0: Pakaian Pelajar Ke Kelas / Bengkel / Makmal / Urusan Rasmi



Rajah 5.0 : Pakaian Pelajar Outing / Urusan Tidak Rasmi



Rajah 6.0 : Pakaian Yang Tidak Dibenarkan



Rajah 7.0 : Pakaian Semasa Hari Pendaftaran/Program Mts

PERHIASAN	
Pelajar Lelaki	
Sebarang bentuk perhiasan dilarang.	
Pelajar Perempuan	
Tidak digalakkan memakai barang kemas.	



Rajah 8.0 : Perhiasan Yang Tidak Dibenarkan

RAMBUT	
Pelajar Lelaki	
<p>Rambut hendaklah sentiasa pendek dan kemas. Rambut di bahagian belakang tidak melebihi paras kolar baju, rambut di bahagian tepi tidak melebihi paras atas telinga dan rambut di bahagian hadapan tidak melebihi paras dahi.</p> <p>Rambut berfesyen seperti "afro", "punk", berekor atau diwarnakan TIDAK dibenarkan.</p> <p>Membotakkan kepala adalah di larang kecuali yang disyariatkan agama.</p>	
Pelajar Perempuan	
<p>Pelajar Islam digalakkan memakai tudung seperti yang disyariatkan Islam. Hendaklah kemas dan beridentitikan seorang pelajar perempuan.</p> <p>Rambut berfesyen seperti 'afro', 'punk', berekor dan diwarnakan dilarang sama sekali.</p>	



Rajah 9.0: Potongan Rambut Yang Dibenarkan



Rajah 10.0 : Fesyen Rambut Yang Tidak Dibenarkan (Pelajar Lelaki Dan Perempuan)

PAKAIAN UNTUK RIADAH	
Pelajar Lelaki	
<ol style="list-style-type: none"> 1. Memakai pakaian sukan yang sesuai ketika bersukan. 2. Dilarang berseluar pendek dan baju sukan tanpa lengan ke kawasan Kafe Asrama dan sekitar kampus. 3. Dibenarkan memakai seluar tiga suku (<i>three quarter pant</i>) semasa bersukan. 4. Tidak dibenarkan memakal 'singlet' ketika bersukan. 5. Dibenarkan memakai seluar pendek dan baju sukan tanpa lengan di padang/gelanggang/gimnasium dengan syarat berkasut sukan. 6. Mesti memakai baju ketika bersukan termasuk semasa di dalam gimnasium. 	



Rajah 11.0 : Pakaian Pelajar Lelaki Untuk Riadah

PAKAIAN UNTUK RIADAH	
Pelajar Perempuan	
1.	Memakai pakaian sukan yang sesuai ketika bersukan.
2.	Hendaklah kemas dan beridentitikan seorang pelajar perempuan.
3.	Tidak dibenarkan memakai seluar ketat termasuk legging.
4.	Tidak dibenarkan memakai Baju Sukan tanpa lengan.
5.	Tidak dibenarkan memakai baju sukan lengannya terlalu pendek.
6.	Tidak dibenarkan memakai baju sukan bukaan leher terlalu besar sehingga menampakkan dada.
7.	Tidak dibenarkan memakai seluar pendek dan seluar tiga suku (three quarter pant) semasa bersukan



Rajah 12.0 : Pakaian Pelajar Perempuan Untuk Riadah

PELAJAR TURUT TERTAKLUK DENGAN ETIKA PAKAIAN PELAJAR YANG DIKELUARKAN OLEH JABATAN AKADEMIK MASING-MASING (JIKA ADA)

5.0 MINGGU TRANSFORMASI SISWA (MTS) PELAJAR BAHARU

Minggu Transformasi Siswa Politeknik Banting Selangor akan dilaksanakan pada ketetapan berikut:

Tarikh	:	21 Ogos 2023 – 24 Ogos 2023
Masa	:	7.30 pagi hingga 5.00 petang
Pautan	:	(akan dimaklumkan kemudian melalui aplikasi <i>Group Telegram</i> Pelajar Baharu)

Semua pelajar baharu diwajibkan mengikuti **Program Minggu Transformasi Siswa (MTS)** seperti di **Lampiran B: Jadual Hari Pendaftaran Pelajar Baharu dan Minggu Transformasi Siswa Sesi 1 : 2023/2024**).

6.0 KEAHLIAN KOPERASI

Semua pelajar Politeknik Banting Selangor **DIGALAKKAN** menjadi ahli Koperasi Politeknik Banting Selangor Berhad (KPBSB). KPBSB ini merupakan koperasi yang dianggotai oleh staf dan pelajar PBS bagi memberi peluang anggota terlibat di dalam aktiviti perniagaan dan saham koperasi. Untuk menjadi ahli, pelajar perlu membayar RM 20.00 sahaja, di mana RM 18.00 untuk syer saham dan RM 2.00 untuk yuran pengurusan. Pelajar perlu mengisi Borang Keahlian seperti di dalam **Lampiran C**. Borang keahlian dan bayaran diserahkan di kaunter koperasi ketika proses pendaftaran.

Lampiran A

SENARAI SEMAK PERKARA YANG PERLU DI POS ATAU DISERAHKAN

BIL	PERKARA	Tandakan (√)
POS ATAU SERAHKAN DOKUMEN BERIKUT KE POLITEKNIK BANTING SELANGOR		
1	1 keping gambar berukuran pasport	
2	Borang-borang HEP1 – HEP6 yang telah lengkap bertandatangan saksi 1) HEP 1 Borang Maklumat Peribadi Pelajar 2) HEP 2 Laporan Pemeriksaan Doktor 3) HEP 3 Kebenaran Iubapa / Penjaga Untuk Rawatan Pembedahan 4) HEP 4 Ikrar Pelajar Dan Lepas Tanggung 5) HEP 5 Akuan Pelajar 6) HEP 6 Aku Janji Pelajar (pelajar sila tandatangan dan kosongkan ruangan saksi HEP PBS)	
3	Slip Pendaftaran Online	
4	Salinan Resit Bayaran JomPay dan Bayaran Keperluan Pelajar	
5	Salinan penyata akaun pelajar	
6	Borang Keahlian Koperasi PBS	

Penting:

1. Borang HEP 2
(Pelajar perlu menjalani pemeriksaan kesihatan di klinik kerajaan/swasta dengan tanggungan sendiri sebelum melapor diri sebagai pelajar Politeknik).
2. Semua pelajar diminta membawa sendiri bantal, cadar, sarung bantal, ubat-ubatan dan keperluan diri semasa hari pendaftaran.

Lampiran B

JADUAL HARI PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU DAN MINGGU TRANSFORMASI SISWA
SESI 1 2023/2024 SECARA ATAS TALIAN

TARIKH / MASA	ISNIN 21 Ogos 2023	SELASA 22 Ogos 2023	RABU 23 Ogos 2023	KHAMIS 24 Ogos 2023
7.30 pg – 8.00 pg				
8.00 pg – 9.00 pg		Slot: Unit SPAk SISTEM PENASIHATAN AKADEMIK	Slot: Penyelaras i-GSA i-GSA	Slot: Ketua Felo TAKLIMAT KOLEJ KEDIAMAN
9.00 pg – 10.00 pg		Slot: Pegawai HEP SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT PELAJAR	Slot: Unit Jaminan Kualiti TAKLIMAT KUALITI	Slot: Unit Pengurusan Psikologi DUNIA BARU
10.00 pg – 10.30 pg		Slot: Unit Peperiksaan PENGURUSAN PEPERIKSAAN & PENILAIAN	Slot: Perpustakaan/e-Learning PUSAT MAKLUMAT PELAJAR	
10.30 pg – 11.00 pg		TAKLIMAT PENGARAH BERSAMA IBU BAPA	Slot: Pegawai Disiplin DISIPLIN PELAJAR	Slot: Pusat Pembangunan Usahawan KEUSAHAWANAN
11.00 pg – 11.30 pg	Slot: Pegawai Alumni ALUMNI			
11.30 pg – 12.00 tgh	Slot: Pegawai OSH KESELAMATAN DAN KESIHATAN (OSH)			
12.00 tgh – 1.00 ptg				
1.00 ptg – 2.00 ptg				
2.00 ptg – 3.00 ptg	TAKLIMAT MTS (TPHEP & KJHEP)	Slot: USKK PENGURUSAN USKK POLITEKNIK	Slot: AADK Kuala Langat AGENDA AADK	PELAJAR BERSAMA JABATAN
3.00 ptg – 4.00 ptg	Slot: Pegawai Biasiswa BIASISWA PELAJAR	Slot: MPP SUA MESRA BERSAMA MPP	Slot: PDRM Kuala Langat AGENDA PDRM	
4.00 ptg – 5.00 ptg	Slot: Pegawai Kebajikan KEBAJIKAN PELAJAR		<i>Campus Virtual Tour</i>	

*Tertakluk kepada pindaan daripada semasa ke semasa

KOPERASI POLITEKNIK BANTING SELANGOR BERHAD

PERMOHONAN MENJADI AHLI / MENAMBAH SAHAM

SETIAUSAHA,
Koperasi Politeknik Banting Selangor Berhad,
Persiaran Ilmu,
Jalan Sultan Abdul Samad,
42700 Banting,
Selangor

Tuan,

Saya ingin memohon masuk menjadi ahli. Bersama ini disertakan wang sebanyak **RM2.00** bagi bayaran masuk dan **RM18.00** harga saham.

Saya ingin menambah saham saya dalam koperasi sebanyak _____
(Ringgit Malaysia : _____)

Maklumat peribadi adalah seperti berikut :

- 1) Nama Penuh :
- 2) Alamat Tetap :
.....
- 3) No K/P : 4) Umur :
- 5) Tarikh Lahir : 6) Jantina :
- 7) Pekerjaan : 8) No Tel :
- 9) Alamat email :
- 10) No Akaun Bank/ Nama Bank :
- 11) Saya ingin menamakan waris saya dalam segala kepentingan ahli koperasi seperti berikut:
Nama :
Alamat :
No Tel : No K/P :
Jantina : Perhubungan :

12) Saya perakui bahawa:

- a) Saya telah membaca dan memahami Undang-undang Kecil Koperasi ini dan mengaku, jika diterima menjadi ahli, akan menerima segala tanggungan kewajipan dan hak sebagaimana diperuntukan dalam Undang-undang Kecil, peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, dan mengaku terikat kepada peraturan-peraturan itu dan apa-apa perubahan kepada kedua-duanya yang mungkin diperbuat dari masa ke semasa.

- b) Saya bukan seorang bankrap atau seorang yang telah disabit kesalahan yang kena daftar "The Registration Of Criminal An Undesirabel Person Act 1969".

Tandatangan

.....
()

Tarikh :

PENGESAHAN BENDAHARI

Saya mengaku telah menerima bayaran yuran kemasukan pemohon sebanyak RM2.00 dan RM18.00 harga saham berjumlah RM20.00.

Saya mengaku telah menerima bayaran tambahan saham berjumlah _____

No Resit Bayaran :

Tandatangan :
()

Tarikh :

PENGESAHAN Pengerusi / Naib Pengerusi / Setiausaha

Permohonan DILULUSKAN/TIDAK DILULUSKAN

No Ahli :

Tandatangan :
()

Tarikh :